

13 APR 1996

Muhyiddin-konvensyen

PETUGAS KHAS TELITI RESOLUSI KONVENSYEN SUKAN

LANGKAWI, 13 April (Bernama) -- Sebuah pasukan Petugas Khas diketuai Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara diberi tempoh dua minggu untuk meneliti dan memastikan segala resolusi yang dibuat pada Konvensyen Sukan Kebangsaan di sini mencapai matlamatnya.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata resolusi-resolusi itu akan dihalusi pasukan petugas sebelum laporan dan cadangan-cadangan dibawa untuk pertimbangan jemaah menteri.

"Apakah tindakan kita selepas ini. Adakah konvensyen dan resolusi-resolusi yang dibuat pagi ini akan menjadi bahan akademik dan tinggal sebagai ketetapan sahaja," katanya ketika menutup konvensyen tiga hari itu di sini.

Muhyiddin berkata perubahan-perubahan tidak mungkin berlaku dalam sekelip mata dan diharap segala matlamat dapat dicapai dalam jangka masa lima hingga 10 tahun.

Resolusi-resolusi yang dihasilkan selepas 12 bengkel kerja itu meliputi pelbagai aspek termasuk meminta kerajaan memainkan peranan yang lebih luas, penyelarasan antara jabatan-jabatan kerajaan, mengelakkan pertindihan peranan badan-badan sukan, pendekatan sains sukan dan liputan media yang lebih agresif.

Muhyiddin berkata kerajaan akan terus memainkan peranannya dalam membangunkan sukan di negara ini tetapi berharap persatuan-persatuan sukan meneruskan kegiatan secara sukarela tetapi dengan pendekatan profesional.

Beliau berkata penubuhan Yayasan Sukan Negara yang bertujuan menggerakkan konsep "Sukan Untuk Semua" telah mendapat persetujuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semua ini, kata beliau, memerlukan sumber kewangan yang banyak dan kementerian akan menggunakan segala kemudahan yang ada dan mungkin meminta lebih peruntukan semasa kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

"Saya akan berbincang dengan beberapa tokoh korporat untuk memberi sumber kewangan ke arah penubuhan yayasan ini. Kita berharap dapat menubuhkan lebih banyak kelab untuk menggerakkan sukan di peringkat bawahan," katanya.

Katanya Malaysia amat memerlukan satu pelan induk kemudahan sukan untuk seluruh negara yang diharap dapat membantu infrastruktur sukan dibangunkan di peringkat nasional, negeri dan daerah.

Prof Dr Federick Roskam dari Jerman akan dilantik oleh kementerian sebagai perunding untuk membantu usaha kerajaan dalam penyediaan dokumen itu, katanya.

Mengenai model sukan negara yang ingin dibentuk, Muhyiddin berkata ia sebenarnya sudah sedia ada dan hanya memerlukan usaha untuk memperkukuhkannya.

"Apa yang penting ialah meningkatkan tahap profesionalisme di kalangan pentadbir persatuan. Saya akan berbincang dengan penaja-penaja Rakan Sukan untuk menyalurkan sedikit wang ke arah ini," kata beliau.

Menyentuh peranan Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Muhyiddin berkata sungguhpun ada pihak yang mempersoalkan kedudukannya kerana dikatakan kurang aktif, MOM masih penting dan perlu wujud selagi wujudnya Sukan Olimpik dan kegiatan-kegiatan berkaitan.

Meskipun demikian, MOM perlu menilai semula peranan mereka supaya ia sesuai dengan keadaan serta aspirasi negara ini, kata beliau. -- BERNAMA

AR AKD

